



PERUTUSAN

PERDANA MENTERI MALAYSIA

Dalam menangani krisis global dan suasana ketidakpastian ekonomi dunia, Kerajaan telah memperkasa rancangan inisiatif untuk bersiap siaga dengan apa jua krisis berkaitan sekuriti makanan. Ini termasuklah meningkatkan prestasi rangkaian di semua aktiviti yang berkaitan pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, penyediaan, dan termasuklah keselamatan makanan. Pelaksanaan rancangan inisiatif ini telah diterjemahkan dalam pelbagai dasar seperti Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), dan yang terkini Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN).

Pelan Induk KAGUMN yang telah dihasilkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuh sekuriti makanan negara dalam memacu pemulihan sektor agromakanan. KAGUMN merupakan satu pelan induk yang memfokuskan kepada langkah pengurusan atau mekanisme untuk menambahbaik kawasan-kawasan utama sumber makanan negara disamping membantu usahawan tani untuk menjana sumber pendapatan. Pelan Induk KAGUMN merupakan salah satu ikhtiar Kerajaan untuk meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR) pemakanan serta menjamin keterjaminan makanan dengan mengoptimum penggunaan tanah-tanah pertanian sedia ada dan mendayaupaya kawasan baharu. Selain itu, melalui inisiatif yang digariskan di dalam Pelan Induk KAGUMN ini juga berupaya meningkatkan daya tahan sektor agromakanan melalui pendigitalisasian termasuklah pendekatan pertanian regeneratif, tanaman berdaya tahan iklim serta penggunaan teknologi *Artificial Intelligence* (AI). Pelbagai prespektif dan skop isu yang berkaitan keterjaminan sumber makanan negara ini dikaji selidik bagi memastikan sumber ini digubal selari dengan kehendak yang tercatat di dalam Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Agenda Perbandaran Baru (NUA) dan memperkukuh landasan utama struktural ekonomi negara iaitu Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

ANWAR IBRAHIM





PERUTUSAN

MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) merupakan satu pelan induk sektoral yang memberi fokus kepada perancangan guna tanah pengeluaran makanan negara secara bersepadu bagi memastikan kestabilan bekalan makanan berterusan dalam jangka masa panjang. Pelan Induk KAGUMN mengetengahkan matlamat untuk mengekalkan, memelihara, memulihara dan meningkatkan kawasan sumber makanan negara untuk mencapai unjuran Kadar Sara Diri (SSR) pemakanan disamping menjamin sekuriti makanan negara.

Pelan induk ini merupakan antara tindakan intervensi bagi mengurangkan kebergantungan kepada produk makanan import selain meningkatkan kemandirian negara dalam aspek bekalan makanan. Cadangan strategi dalam pelan induk ini turut menekankan penggunaan teknologi moden dan kaedah baharu dalam mempertingkatkan produktiviti pengeluaran makanan dengan penggunaan tanah yang optimum. Selain itu, penyediaan insentif fiskal kepada kerajaan negeri juga turut digariskan di dalam Pelan Induk ini bagi memastikan kawasan-kawasan sumber makanan dalam negara dikekalkan dan tidak terus berkurang dimasa hadapan. Diharapkan agar Pelan Induk KAGUMN menjadi rujukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak berkepentingan serta pelbagai agensi demi memastikan perancangan pembangunan mengambil kira kriteria dan matlamat pemeliharaan kawasan sumber makanan negara disamping mewujudkan kawasan pengeluaran makanan berdaya tahan dan mampan. Kehendak Pelan Induk KAGUMN yang disediakan ini sejajar dan menyokong enam (6) teras Malaysia MADANI iaitu 'Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan'. Justeru, kerjasama pelbagai pihak adalah sangat penting dalam memastikan kebolehlaksanaan Pelan Induk KAGUMN bagi mencapai kesejahteraan negara Malaysia MADANI.

NGA KOR MING





PERUTUSAN

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menyediakan inisiatif untuk menerbitkan laporan Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN). Pelan Induk KAGUMN ini memberi penekanan utama kepada perancangan guna tanah yang teliti berkaitan kesediaan tanah supaya aktiviti pengeluaran makanan tidak terjejas dan disokong oleh penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan disamping mengoptimumkan penggunaan tanah. Inisiatif ini

selaras dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan keterjaminan bekalan makanan negara. Strategi pelaksanaan untuk keterjaminan makanan menjelang tahun 2040 melalui perancangan guna tanah adalah perkara utama yang telah digarapkan melalui matlamat Pelan Induk ini iaitu : Pengekalan, Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Peningkatan Kawasan Sumber Makanan Negara untuk Mencapai Kadar Sara Diri dan Menjamin Sekuriti Makanan Negara Menjelang Tahun 2040.

Pemakaian Pelan Induk KAGUMN di peringkat Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dipersetujui melalui Mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara Ke-44 (Bil. 1/2024) (MPFN Ke-44) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 25 April 2024 yang melibatkan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Melalui pemakaian Pelan Induk KAGUMN ini diharapkan ianya menjadi input dan halatuju kepada rancangan pemajuan dalam merangka perancangan dan kawalan pembangunan bagi tanah-tanah pengeluaran makanan. Justeru, peranan setiap agensi berkepentingan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sangat penting untuk menjayakan pelaksanaan mekanisme pengurusan dan pengekalan kawasan sumber makanan negara yang telah digariskan di dalam Pelan Induk KAGUMN ini.

DATUK WIRA M NOOR AZMAN BIN TAIB





PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Sistem makanan global berhadapan pelbagai isu untuk menghasilkan makanan yang mencukupi bagi penduduk yang berkembang pesat. Bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, peningkatan penduduk dijangka meningkat kepada 38 juta pada tahun 2030 dan 41 juta pada tahun 2040. Senario ini semestinya akan memberi impak kepada keperluan sumber makanan negara yang stabil dan kebergantungan kepada kawasan pengeluaran makanan. Bagi menjamin kawasan pengeluaran makanan untuk keterjaminan makanan pada masa hadapan,



PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menghasilkan Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) yang memperincikan mekanisme perancangan guna tanah sumber makanan negara ke arah pencapaian unjuran Kadar Sara Diri (SSR) pada tahun 2030. Pelan Induk KAGUMN pada dasarnya selaras dengan dokumen-dokumen nasional lain seperti Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4), Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Pelan Induk KAGUMN ini meliputi empat (4) fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1 (Tahun 2021-2025), Fasa 2 (Tahun 2026-2030), Fasa 3 (Tahun 2031-2035) dan Fasa 4 (Tahun 2036-2040) serta dirangka berdasarkan 4 Teras, 20 Strategi, 38 Tindakan dan 102 inisiatif bagi mencapai mencapai 17 keberhasilan utama kajian yang akan memacu pembangunan kawasan pengeluaran makanan. Empat (4) teras utama tersebut adalah (1) Kelestarian dan Daya Tahan Sumberjaya; (2) Adaptasi Amalan Pertanian yang Baik, Inovatif dan Produktif; (3) Ketersediaan Infrastruktur yang Efektif dan Bersepadu dan (4) Pemeraksanaan Tadbir Urus Kukuh, Dinamik dan Efektif.

Pelan Induk KAGUMN ini merangkumi maklumat penting seperti Kesesuaian dan Ketersediaan Kawasan Sumber Makanan Negara, Unjuran Kawasan Sumber Makanan dan Pelan Konsep KAGUMN menjelang 2040 bagi merangka pembangunan negara untuk mecapai Kadar Sara Diri (SSR) yang stabil. Justeru, adalah diharapkan Pelan Induk KAGUMN akan menjadi salah satu rujukan utama pengurusan dan perancangan guna tanah sumber makanan yang akan diterjemahkan di dalam rancangan pemajuan yang lebih spesifik iaitu Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT) mahupun Rancangan Kawasan Khas (RKK) oleh setiap negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi berkaitan khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Pelaksanaan inisiatif Pelan Induk KAGUMN ini signifikan dalam mengoptimumkan perancangan guna tanah kawasan pengeluaran makanan negara secara bersepadu demi keterjaminan sumber makanan negara.

DATUK TPr Dr. ALIAS BIN RAMELI